

Prof Datuk Seri  
Dr Ibrahim Abu Shah

**Tarikh Lahir:** 31 Disember 1948

**Umur:** 58 tahun

**Asal:** Melaka  
**Isteri:** Datin Seri Zahariah Mohamed

**Anak:** Enam – empat lelaki, dua perempuan

**Pendidikan:**

- Ijazah Doktor Falsafah (Universiti Maryland), 1987
- Sarjana Sosiologi (Universiti Ohio) 1975
- Sarjana Muda Ekonomi (Universiti Ohio) 1974
- Diploma Pentadbiran Awam (UiTM) 1971

**Pengalaman:**

- Naib Canselor UiTM (1 Januari 2001)
- Timbalan Rektor (Pengurusan UiTM) (1995 – 1998)
- Pengetua (Provos) UiTM Sarawak (1989 – 1995)
- Dekan Hal Ehwal Pelajar ITM, Shah Alam (1982)
- Timbalan Dekan Hal Ehwal pelajar ITM, Shah Alam (1976 – 1982)
- Pegawai Eksekutif Bahagian Pentadbiran Perbendaharaan (1971 – 1972)

# Khidmat Dr Ibrahim dilanjut dua tahun

BH 15/10/02

## Kepemimpinannya memacu UiTM ke arah kecemerlangan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju melanjutkan tempoh perkhidmatan Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah (**gambar**) sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk tempoh dua tahun lagi.

Berikutan itu, Ibrahim yang dilantik menyandang jawatan berkenaan sejak 1 Januari 2001, akan meneruskan khidmatnya di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terbesar berkenaan sehingga 31 Disember 2008.

Keputusan melanjutkan tempoh perkhidmatan Ibrahim mulai 1 Januari ini dibuat selepas kementerian berpuas hati dengan kepemimpinannya dalam usaha memacu dan me-

martabatkan UiTM ke arah kecemerlangan.

Kontrak perkhidmatan Ibrahim sebagai Naib Canselor UiTM yang sudah dilanjutkan dua kali sebelum ini, sepatutnya berakhir pada 31 Disember ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mustapa Mohamed, ketika dihubungi *Berita Harian* bagi mendapat penjelasan berhubung perkara itu semalam, mengesahkan kontrak Ibrahim akan dilanjutkan.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenainya kerana pengumuman rasmi berhubung perkara itu akan dibuat pada masa yang sesuai, tidak lama lagi.

Sementara itu, Ibrahim ketika dihubungi, mengesahkan sudah menerima surat yang memaklumkan mengenai lanjutan tempoh perkhidma-

tannya di UiTM berkuat kuasa tahun baru ini, tiga hari lalu.

"Saya gembira dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Pengajian Tinggi atas kepercayaan yang diberikan," katanya.

Beliau juga berikrar akan berusaha menggembeng semua sumber UiTM dalam usaha menjadikan institusi berkenaan sebagai pusat pengajian bertaraf dunia, sejajar dengan hasrat kerajaan.

"Segala kejayaan yang dicapai perlu dijadikan pendorong untuk semua pihak berusaha lebih gigih memperbaiki kelemahan yang ada. Saya bangga UiTM kini mampu menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia," katanya.

